

Bomba laksanakan penilaian risiko di 15 'hotspot' lemas

BH ONLINE | Selasa, 19 November 2019 | 3:25pm



SEREMBAN: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedang menjalankan penilaian risiko di 15 kawasan yang sering berlaku lemas di seluruh negara termasuk sebuah lombong di Puchong, Selangor yang mengorbankan enam anggota jabatan itu, tahun lalu.

Ketua Cawangan Program Keselamatan dan Kesedaran Awam, Bahagian Keselamatan dan Kebakaran JBPM, Nik Zulkifli Ibrahim, berkata papan tanda 'secondary' yang lebih jelas mengenai bahaya di sesuatu kawasan air akan dipasang berdasarkan dapatan penilaian berkenaan.

"Penilaian risiko di 15 lokasi panas yang dikenal pasti berbahaya dan boleh meragut nyawa itu turut membabitkan pantai, air terjun, tasik dan lombong di Sabah, Pulau Pinang, Terengganu, Kelantan, Pahang serta Sabah.

"Hasil penilaian ini nanti, pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memasang papan tanda 'secondary' yang memaparkan dengan jelas butiran bahaya dan risiko di sesuatu kawasan, bermula awal tahun hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti di Air 2019, di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Sembilan, Abd Rahman Ali serta Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kebakaran JBPM Negeri Sembilan, Jamaluddin Marawi.

Jelas beliau, papan tanda 'primary' atau utama yang sedia ada hanya memberikan maklumat secara am tanpa memaklumkan jenis bahaya dan risiko sesuatu kawasan air.